

30/08/1999

Jangkaan parti lawan silap

MACHANG, Ahad - Tanggapan parti pembangkang bahawa perhimpunan anjuran Institut Teknologi Mara (ITM) di Shah Alam bersama Perdana Menteri dan beberapa pemimpin kerajaan pada 26 Ogos lalu akan menemui kegagalan, jelas meleset apabila majlis itu berakhir dengan sambutan di luar dugaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata kejayaan perhimpunan itu juga turut menangkis tanggapan buruk parti pembangkang yang mendakwa pusat pengajian tinggi di seluruh negara sebagai pusat anti kerajaan.

Katanya, pada majlis perhimpunan berkenaan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberikan sambutan begitu meriah dengan kira-kira 15,000 pelajar, tenaga pengajar dan juga bekas pelajar ITM.

(END)